MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU
SERDANG, KEDAH DARUL AMAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan adalah kepada anak Negeri Kedah Darul Aman yang berumur tidak kurang dari 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :-

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI		KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
						MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N1	PELAKSANA	2	KONTRAK TIDAK BERWARAN	RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 100.00
2.	PEMBANTU KESIHATAN AWAM	U1	PELAKSANA	1	TETAP	RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 100.00

SYARAT-SYARAT LANTIKAN :

1. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N1 - KONTRAK TIDAK BERWARAN (2 KEKOSONGAN)

Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Agensi	:	Majlis Daerah Bandar Baharu
Jadual Gaji Minimum	:	RM 1,500.00
Jadual Gaji Maksimum	:	RM 4,680.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM 100.00
Syarat Lantikan	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut : a. i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N1:RM 1500.00); atau ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N1:RM 1,561.00); atau iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : RM 1,622.00) iv. Jawatan dibuka kepada warganegara Malaysia dengan keutamaan diberikan kepada rakyat negeri Kedah.
Syarat Kelayakan Bahasa Melayu	:	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
		Rujukan : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

2. PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U1 – TETAP
(1 KEKOSONGAN)

Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perubatan dan Kesihatan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Agensi	:	Majlis Daerah Bandar Baharu
Jadual Gaji Minimum	:	RM 1,500.00
Jadual Gaji Maksimum	:	RM 4,680.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM 100.00
Syarat Lantikan	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut : a. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred U1:RM 1,561.00)
Syarat Kelayakan Bahasa Melayu	:	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
		Rujukan : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

<u>Cara Memohon</u> :-

a) Borang permohonan jawatan kosong boleh **dimuat-turun** melalui Laman Portal Rasmi Majlis Daerah Bandar Baharu seperti pautan berikut :

https://pbt.kedah.gov.my/wp-content/uploads/2026/11/BorangJawatanKosongMDBB2026.pdf

b) Borang permohonan perlu diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **<u>DIAKUI SAH</u>** oleh Wakil Rakyat, mana-mana pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan I yang diberi kuasa / Penghulu / Pengerusi / JKKK yang mempunyai cop rasmi jawatan seperti berikut :-

i. Salinan Kad Pengenalan;

ii. Salinan Surat Beranak;

iii. Salinan Transkrip bagi sijil yang berkenaan; dan

iv. Sekeping gambar berukuran pasport.

c) Pegawai-Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah menghantar permohonan **melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Perenggan 31.**

d) Borang permohonan yang telah lengkap diisi boleh dihantar melalui penyerahan di Kaunter Pejabat Majlis Daerah Bandar Baharu, Serdang Kedah atau melalui serahan pos di mana nama jawatan dipohon hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dialamatkan kepada :-

YANG DI PERTUA,

MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU,

09800 SERDANG,

KEDAH DARUL AMAN.

(u.p : Bahagian Khidmat Pengurusan dan Komunikasi Korporat Perhubungan Awam)

SEBELUM ATAU PADA : 19 NOVEMBER 2026

e) Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya :

- Borang Permohonan tidak lengkap atau tidak bergambar;
- Tidak memenuhi syarat iklan; dan
- Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah dan tidak ditandatangani.

Catatan Am :-

a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan di panggil untuk ditemuduga.

b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan adalah di anggap sebagai tidak berjaya.

c) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.